



26 Ogos 2022
26 August 2022
P.U. (A) 271

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI
(MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN)
(PINDAAN) 2022

*CO-OPERATIVE SOCIETIES
(THE NATIONAL CO-OPERATIVE CONSULTATIVE
COUNCIL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI
(MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 86(2)(m) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Koperasi (Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2022.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Koperasi (Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan) 2010 [*P.U. (A) 130/2010*], yang disebut 'Peraturan-Peraturan ibu' dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam peraturan 4—

(a) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan "Dasar Koperasi Negara" dengan perkataan "apa-apa dasar berhubung dengan koperasi"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (h), perenggan yang berikut:

" (i) menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi membantu dalam apa-apa hal berhubung dengan pembangunan koperasi."

Penggantian peraturan 5

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan yang berikut:

“Keanggotaan Majlis

5. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Menteri suatu Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Anggota Majlis Mesyuarat atau wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri bagi mewakili mana-mana negeri atau wakilnya;
- (d) Ketua Setiausaha suatu Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau wakilnya;
- (e) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau wakilnya;
- (f) Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia atau wakilnya;
- (g) Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) atau wakilnya;
- (h) Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau wakilnya;

- (i) tidak lebih daripada sembilan orang wakil koperasi yang dilantik oleh Menteri; dan
- (j) tidak lebih daripada lima orang, pada pendapat Menteri, boleh membantu Majlis atau pembangunan pergerakan koperasi, yang dilantik oleh Menteri.

(2) Pengerusi hendaklah menubuhkan suatu urus setia untuk membantu Majlis menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pengerusi hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai untuk menjadi urus setia sebagaimana yang perlu daripada kalangan pegawai Kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi atau pegawai dan pekerja Suruhanjaya atau gabungan daripada kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “5(p), (q) dan (r)” dengan perkataan “5(c), (i) dan (j)”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “5(p), (q) dan (r)” dengan perkataan “5(c), (i) dan (j)”.

Peraturan baharu 6A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

“Jawatankuasa

6A. Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi membantu Majlis dalam menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.”.

Pindaan peraturan 7

6. Perenggan 7(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “5(p), (q) dan (r)” dengan perkataan “5(c), (i) dan (j)”.

Pindaan peraturan 8

7. Subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi” perkataan “pada mesyuarat Majlis dan dipersetujui oleh semua anggota Majlis.”.

Pindaan peraturan 10

8. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Majlis hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi sekurang-kurangnya sekali setahun.”.

Peraturan baharu 11

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

11. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam perbincangan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang lain yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dibayar apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”.

Dibuat 24 Ogos 2022
[SKM.IP(AM)7955 Jilid 2 (58); PN(PU2)527/JLD. 21]

DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Diluluskan

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

CO-OPERATIVE SOCIETIES (THE NATIONAL CO-OPERATIVE
CONSULTATIVE COUNCIL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 86(2)(m) of the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], the Commission, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Co-operative Societies (The National Co-operative Consultative Council) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2022.

Amendment of regulation 4

2. The Co-operative Societies (The National Co-Operative Consultative Council) Regulations 2010 [P.U. (A) 130/2010], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations is amended in regulation 4—

(a) in paragraph (d), by substituting for the words “the National Co-operative Policy” the words “any policy in relation to co-operative societies”; and

(b) by inserting after paragraph (h), the following paragraph:

“ (i) to establish such committee as it considers necessary or expedient to assist in any matter in relation to the development of co-operative.”.

Substitution of regulation 5

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 5 the following regulation:

“Membership of the Council

5. (1) The Council shall comprise of the following members:

- (a) Minister as the Chairman;
- (b) Deputy Minister of a Ministry charged with the responsibility for the development of co-operative society as the Deputy Chairman;
- (c) Members of the Meeting Council or State representatives charged with the responsibility for the development co-operative societies or any person appointed by the Minister to represent any state or his representative;
- (d) the Secretary General of a Ministry charged with the responsibility for co-operative development or his representative;
- (e) the Executive Chairman of the Malaysian Co-operative Societies Commission or his representative;
- (f) the Director General of the Malaysian Co-operative Institute or his representative;
- (g) the President of the National Co-operative Societies Organisation of Malaysia (ANGKASA) or his representative;
- (h) the Chairman of Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad or his representative;

- (i) not more than nine representatives from co-operative societies appointed by the Minister; and
- (j) not more than five persons, in the opinion of the Minister, may assist the Council or the development of the co-operative movement, appointed by the Minister.

(2) The Chairman shall establish a secretariat to assist the Council in performing its functions under these Regulations.

(3) The Chairman shall appoint such number of officers to be a secretariat as may be necessary from amongst officers of a Ministry charged with the responsibility for co-operative development or officers and employees of the Commission or combination from both.”

Amendment of regulation 6

4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the words “5(p), (q) and (r)” the words “5(c), (i) and (j)”; and
- (b) in subregulation (2), by substituting for the words “5(p), (q) and (r)” the words “5(c), (i) and (j)”.

New regulation 6A

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6 the following regulation:

“Committee

6A. The Council may establish any committee which is deemed necessary or expedient to assist the Council in exercising its function under these Regulations.”.

Amendment of regulation 7

6. Paragraph 7(a) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “5(p), (q) and (r)” the words “5(c), (i) and (j)”.

Amendment of regulation 8

7. Subregulation 8(1) of the principal Regulations is amended by inserting after the words “as determined by the Chairman” the words “at the meeting of the Council and agreed by all members of the Council.”.

Amendment of regulation 10

8. Regulation 10 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The Council shall meet at any time as determined by the Chairman at least once a year.”.

New regulation 11

9. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 10 the following regulation:

“Council may invite other people to attend the meeting

11. (1) The Council may invite any other person to attend any meeting of the Council for the purpose of advising the Council in respect of any matter under discussion but the person shall not be entitled to vote in the meeting.

(2) Any other person referred to in subregulation (1) may be paid such allowances or other expenses as may be determined by the Council.”.

Made 24 August 2022

[SKM.IP(AM)7955 Jilid 2 (58); PN(PU2)527/JLD. 21]

DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON
Executive Chairman
Malaysia Co-operative Societies Commission

Approved

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives